

14/09/1998

Umno Kelantan cari jalan perjelas isu

JELI, Ahad - Umno Kelantan akan mencari jalan terbaik dalam usaha memberi penerangan kepada dua atau tiga bahagian di negeri itu yang belum menyatakan pendirian berhubung isu pemecatan Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Ahli Majlis Tertinggi (MT) Umno, Datuk Mustapa Mohamed, berkata perkara itu bagaimanapun akan cuba diselesaikan menerusi rundingan dengan Ketua Penerangan Umno negeri, Datuk Zainal Abidin Abdul Kadir, dalam sedikit masa lagi.

Tanpa menamakan bahagian terbabit, beliau berkata perkara itu dianggap sebagai fenomena biasa dan yakin dapat diatasi selepas penjelasan penuh dilakukan.

"Secara umumnya, pendirian Umno Kelantan (berhubung isu pelucutan jawatan Anwar) adalah jelas seperti yang diputuskan ketika perjumpaan dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, di Kuala Lumpur pada 5 September lalu.

"Bagaimanapun, kita akan mencari jalan terbaik dalam mendapatkan pendirian dua atau tiga bahagian Umno di negeri ini yang belum menyatakan pandangan masing-masing," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita sebelum majlis penerangan berhubung isu pemecatan Anwar kepada Ketua awangan Umno bahagian Jeli di Kompleks Umno Bukit Nangka, di sini petang ini.

Mustapa yang juga Menteri Kewangan Kedua merangkap Menteri Pembangunan Usahawan berkata, beliau yakin semua bahagian terbabit mampu menyatakana pendirian selepas mendengar penjelasan menyeluruh daripada pucuk pimpinan.

(END)